

Pengenalan UMK30 (2026–2030)

Hala Tuju Strategik



- Transformasi UMK sebagai **Universiti Keusahawanan unggul**
- **Bersaing di peringkat nasional & antarabangsa**
- Berasaskan pencapaian **UMK 2021–2025**

Keselarasan Dasar & Agenda Nasional



RPTM
2026–2035

DKN
2030

DKN
2030

NEW
INDUSTRIAL
MASTER PLAN
2030

NIMP
2030



RMK13

SUSTAINABLE
DEVELOPMENT
GOALS

SDG

Proses Penggubalan

**Inklusif &
berasaskan
data** ▶

**Libat urus
kepimpinan
& pemegang
taruh** ▶

**Realistik
& berdaya
laksana** ▶



Struktur Pelaksanaan UMK30

7

**Teras
Strategik**

15

**Objektif
Strategik**

26

KPI

82

**Inisiatif
Strategik**

VISI

Menjadi Peneraju
Pembangunan Insan Seimbang
Dan Holistik Bercirikan Keusahawanan
Bagi Kesejahteraan Global

Peneraju
Pembangunan
Insan Seimbang

Holistik
Bercirikan
Keusahawanan

Kesejahteraan
Global

MISI

UMK Komited Menyediakan Pendidikan,
Penyelidikan dan Perkhidmatan Berkualiti
Melalui Pendekatan Keusahawanan
Humanistik Bagi Melahirkan Graduan
Holistik dan Mendayaupaya Masyarakat
Mampan

Pendekatan
Keusahawanan
Humanistik

Mendayaupaya
Masyarakat
Mampan

NILAI TERAS

1

2

3

4

INTEGRITI

KEUSAHAWANAN

INKLUSIVITI

LESTARI

7 TERAS UMK30



Teras 1: Keusahawanan

Peneraju Kebitaraan
Keusahawanan Serta
Penghasilan Bakat
Keusahawanan Humanistik

OS1: Memartabatkan Reputasi UMK Sebagai Peneraju Kebitaraan Pendidikan Keusahawanan di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa

Objektif Strategik ini memfokuskan usaha UMK untuk memperkukuh reputasi sebagai peneraju kebitaraan pendidikan keusahawanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa melalui pelaksanaan inisiatif strategik yang terancang dan berimpak, merangkumi pengiktirafan dan akreditasi berwibawa, pembangunan indeks ekosistem keusahawanan universiti, pemerkasaan peranan serantau ASEAN, penerbitan penyelidikan, pemikiran strategik berimpak tinggi serta pengukuhan pengiktirafan akademik dan pensijilan profesional keusahawanan.

KPI 1:

Kejayaan pengiktirafan/ akreditasi keusahawanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa

Tahun Sasaran	2026	2027	2028	2029	2030
	6	7	8	9	10

KPI 2:

Bilangan kepakaran keusahawanan tenaga pengajar / pembimbing dalaman dan luaran

Tahun Sasaran	2026	2027	2028	2029	2030
	325	439	553	667	781

OS2: Memperkasa Kemenjadian Usahawan Pelajar dan Daya Saing Usahawan Graduan

Objektif Strategik ini menekankan usaha UMK untuk melahirkan pelajar dan usahawan graduan yang berdaya saing dan berimpak melalui pelaksanaan inisiatif strategik yang bersepadu dan berfasa, meliputi pembangunan ekosistem pendidikan keusahawanan bersepadu dari kampus hingga pasca graduasi, merangkumi pemerkasaan Syarikat Siswa Universiti (SSU), sokongan pembiayaan dan pementoran industri, modul keusahawanan berteraskan humanistik, inovasi, teknologi dan Kecerdasan Buatan (AI), pembangunan syarikat pemula digital, serta program pemecut dan sokongan perniagaan graduan.

KPI 3:

Penghasilan usahawan pelajar UMK yang menjalankan perniagaan semasa tempoh pengajian

Tahun Sasaran	2026	2027	2028	2029	2030
	3,120	3,240	3,360	3,480	3,600

KPI 4:

Kejayaan usahawan graduan yang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan setelah tamat pengajian

Tahun Sasaran	2026	2027	2028	2029	2030
	500	1000	1500	2000	2500

Teras 2: Akademik dan Antarabangsa

Memperkasa Program Akademik Unggul Serta Mengukuhkan Jaringan Global

OS3: Memperkasa Program Akademik Unggul Serta Mengukuhkan Jaringan Global

Objektif Strategik ini memfokuskan pemerkasaan pendidikan digital UMK melalui pelaksanaan inisiatif strategik bersepadu, merangkumi integrasi AI dalam kurikulum, penawaran program pengajian fleksibel, penubuhan program dan pusat pengajian baharu, pengembangan program bermodelkan Ulul Albab, serta penyediaan modul dan sijil profesional bagi menyokong keperluan industri dan pembelajaran sepanjang hayat.

KPI 5:

Peratus program pengajian prasiswazah yang mengintegrasikan teknologi kecerdasan buatan (AI).

Tahun	2026	2027	2028	2029	2030
Sasaran	60%	70%	80%	90%	100%

KPI 6:

Bilangan program pengajian lestari.

Tahun	2026	2027	2028	2029	2030
Sasaran	60	65	70	75	80

OS4: Meningkatkan Keterlihatan Kecemerlangan Akademik di Peringkat Antarabangsa

Objektif ini menumpukan pengukuhan kedudukan dan keterlihatan UMK dalam penarafan global, khususnya di peringkat Asia melalui pelaksanaan inisiatif strategik yang bersepadu dan berimpak, merangkumi peningkatan kemasukan pelajar antarabangsa, pemerkasaan mobiliti pelajar dan staf serta penyertaan dalam pembelajaran global, latihan industri dan sangkutan antarabangsa secara fizikal, maya atau hibrid. Pelaksanaan inisiatif ini turut melibatkan pembangunan program pengajian berasaskan model Transnational Education (TNE), serta pengukuhan penarafan dan reputasi global melalui peningkatan penglibatan pakar antarabangsa seperti profesor pelawat, profesor adjung, penyelidik pasca-doktoral dan felo antarabangsa. Secara keseluruhan, objektif ini bertujuan memperkukuh ekosistem akademik UMK melalui jaringan kolaborasi antarabangsa, pertukaran kepakaran dan pembangunan akademik rentas negara.

KPI 7:

Kedudukan UMK dalam penarafan global peringkat Asia.

Tahun	2026	2027	2028	2029	2030
Sasaran	430	400	360	330	300

Teras 3: Pelajar dan Alumni

Penghasilan Pelajar Holistik dan Pengukuhan Jaringan Alumni

OS5: Menghasilkan Graduan Yang Holistik dan Berdaya Saing

Objektif Strategik ini memfokuskan pembangunan graduan UMK yang seimbang, kompetitif dan berimpak melalui pelaksanaan inisiatif strategik yang terancang, dengan penekanan kepada kecemerlangan akademik serta pengukuhan sahsiah, kemahiran insaniah, kepimpinan, pemikiran kritikal, etika dan profesionalisme. Pelaksanaan inisiatif ini digerakkan melalui usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan dan memperkasa daya saing serta bakat pelajar, selari dengan keperluan industri dan persekitaran global, bagi memastikan graduan UMK mampu menyesuaikan diri, relevan dan bersedia menyumbang secara berkesan dalam pasaran kerja serta masyarakat.

KPI 8: Peratusan Bekerja Graduan.

Tahun Sasaran	2026	2027	2028	2029	2030
	95%	95%	95%	95%	95%

KPI 9: Peratusan piawaian indeks kesejahteraan pelajar.

Tahun Sasaran	2026	2027	2028	2029	2030
	50%	50%	60%	70%	80%

OS6: Memperkasakan Libat Sama Alumni Untuk Pembangunan Pelajar dan Universiti

Objektif Strategik ini menekankan pemerksaan alumni sebagai rakan strategik universiti melalui pelaksanaan inisiatif strategik yang berfokus, dengan memperkukuh keterlibatan dan jaringan alumni secara berstruktur dan berimpak. Pelaksanaan inisiatif ini menekankan peranan aktif alumni dalam pembangunan modal insan, perkongsian kepakaran industri, bimbingan profesional, penyediaan peluang kerjaya serta sokongan strategik kepada pelajar, sekali gus mengoptimumkan jaringan alumni sebagai pemangkin kecemerlangan akademik, kebolehpasaran graduan dan kelestarian universiti serta meningkatkan reputasi institusi secara berterusan.

KPI 10: Peratusan alumni yang terlibat sama dalam program/ aktiviti dengan alma mater setiap tahun.

Tahun Sasaran	2026	2027	2028	2029	2030
	5%	5%	5%	10%	10%

Teras 4: Penyelidikan & Inovasi

OS7: Mengukuhkan Ekosistem Penyelidikan Universiti Secara Holistik dan Mampan

Objektif Strategik ini memfokuskan penguatan ekosistem penyelidikan UMK melalui pelaksanaan inisiatif strategik bersepadu dan berimpak, merangkumi pemantapan tadbir urus dan dasar penyelidikan, pembangunan sistem pintar pemantauan penyelidikan (UMK Scholar360), penguatan pemerolehan geran, peningkatan kualiti cadangan dan projek strategik, pemerkasaan ilmuwan dan bakat penyelidik, penguatan infrastruktur dan kluster penyelidikan, serta pembudayaan komuniti ilmiah yang berintegriti dan inovatif bagi memacu sumbangan universiti kepada masyarakat, industri dan negara.

KPI 11: Pemantapan Ekosistem Penyelidikan UMK yang Berimpak Mampan.

Tahun Sasaran	2026 35%	2027 50%	2028 65%	2029 80%	2030 100%
------------------	-------------	-------------	-------------	-------------	--------------

KPI 12: Penguatan Pembangunan Ekosistem Penyelidikan UMK.

Tahun Sasaran	2026 35%	2027 50%	2028 65%	2029 80%	2030 100%
------------------	-------------	-------------	-------------	-------------	--------------

OS8: Memacu Inovasi, Komersialisasi dan Jaringan Strategik Ke Arah Ekonomi Universiti Yang Berimpak Mampan

Objektif Strategik ini menumpukan pemacuan inovasi, pengkomersialan dan penguatan jaringan strategik universiti melalui pelaksanaan inisiatif strategik bersepadu dan berorientasikan pasaran, merangkumi pembangunan harta intelek, pemerkasaan start-up dan spin-off, dan penguatan kolaborasi industri, pemantapan mekanisme monetisasi dan pengiktirafan inovasi, serta pembangunan rangkaian penyelidikan dan padanan penyelidik-industri bagi memperkukuh ekonomi universiti dan impak kepada masyarakat serta negara.

KPI 13: Pemacuan Komersialisasi, Inovasi dan Pengkomersialan UMK.

Tahun Sasaran	2026 40%	2027 55%	2028 70%	2029 85%	2030 100%
------------------	-------------	-------------	-------------	-------------	--------------

KPI 14: Pemerayaan Jaringan Strategik UMK.

Tahun Sasaran	2026 20%	2027 40%	2028 60%	2029 80%	2030 100%
------------------	-------------	-------------	-------------	-------------	--------------

Teras 5: Governan dan Bakat

Penguatan Governan Universiti dan Pemerkasaan Bakat

OS9: Memperkukuh Governan Universiti Berasaskan Nilai Integriti, Inovasi, Keterangkuman dan Sinergi

Objektif Strategik ini memfokuskan pemerkasaan governan universiti melalui pelaksanaan inisiatif strategik berasaskan nilai, dengan menyepadukan integriti, inovasi, keterangkuman dan sinergi sebagai teras pengurusan institusi yang telus, berakauntabiliti dan berkesan. Pelaksanaan inisiatif ini digerakkan melalui pembangunan repositori digital berpusat bagi pengumpulan dan capaian pangkalan data polisi serta dokumen dasar universiti, di samping pelaksanaan latihan dan program kesedaran governan termasuk bengkel kefahaman polisi untuk staf. Pendekatan ini memastikan pematuhan dan pemahaman polisi yang menyeluruh, memperkukuh kepercayaan pihak berkepentingan, serta menyokong kecemerlangan institusi, kemampanan jangka panjang dan daya saing global.

KPI 15: Peratusan semakan polisi sedia ada dan dikemaskini ke arah penguatan governan universiti.

Tahun	2026	2027	2028	2029	2030
Sasaran	20%	40%	60%	80%	100%

OS10: Memperkasa Staf Akademik dan Pentadbiran Ke Arah Kecemerlangan

Objektif Strategik ini menumpukan pemerkasaan staf melalui pembangunan ekosistem pengurusan bakat yang berstruktur, mampan dan berimpak, yang dilaksanakan menerusi inisiatif strategik menyeluruh merangkumi pelan penggantian dan pembentukan kolam bakat, pembangunan kepimpinan, pendedahan melalui penugasan khas, pusingan kerja dan projek berimpak tinggi, pembangunan kompetensi berstruktur, pemantauan keberkesanan berterusan, pemerkasaan Pelan Pembangunan Individu (IDP), peningkatan pengiktirafan staf sebagai pakar rujuk, peluasan jaringan industri dan akademik antarabangsa, serta skim galakan pensijilan profesional dan keahlian badan ikhtisas bagi memperkukuh kepimpinan, inovasi dan reputasi universiti.

KPI 16: Peratusan Pengisian Jawatan Utama dari Barisan Kepimpinan yang Berwibawa dan Berprestasi Tinggi.

Tahun	2026	2027	2028	2029	2030
Sasaran	70%	75%	80%	85%	90%

KPI 17: Peratusan Staf Mencapai Tahap Kompetensi Cemerlang dan Berimpak Tinggi

Tahun	2026	2027	2028	2029	2030
Sasaran	80%	85%	90%	90%	90%

KPI 18: Peratusan Staf Menunjukkan Sumbangan Berimpak Tinggi.

Tahun	2026	2027	2028	2029	2030
Sasaran	80%	85%	90%	90%	90%

Teras 6: Kewangan

OS11: Mempergiatkan Penjanaaan Sumber Pendapatan Universiti Secara Mampan Melalui Pelbagai Inisiatif

Objektif Strategik ini memfokuskan pengukuhan kelestarian kewangan UMK melalui pelaksanaan inisiatif strategik yang bersepadu dan berimpak tinggi, dengan menekankan pemelbagaian sumber pendapatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan. Pelaksanaan inisiatif ini merangkumi pengoptimuman enrolmen pelajar, pemeraksanaan pelaburan dan monetisasi aset universiti, peningkatan sumbangan syarikat milik universiti dan koperasi, pengumpulan dana melalui wakaf, endowmen, zakat dan sumbangan tunai, serta penjanaaan pendapatan daripada aktiviti latihan, penyelidikan, pengkomersialan, keusahawanan dan perundingan. Secara keseluruhan, pendekatan ini bertujuan memperkukuh daya tahan kewangan UMK dan menyokong aspirasi universiti sebagai universiti keusahawanan yang kompetitif dan lestari.

KPI 19:

Peratusan penjanaaan pendapatan sendiri berbanding dengan perbelanjaan operasi universiti.

Tahun	2026	2027	2028	2029	2030
Sasaran	30%	33%	36%	38%	40%

OS12: Memantapkan Tadbir Urus dan Kecekapan Pengurusan Kewangan Universiti

Objektif Strategik ini menumpukan pemantapan tadbir urus kewangan UMK melalui pelaksanaan inisiatif strategik yang berfokus, dengan penekanan kepada peningkatan kecekapan dan penjimatan perbelanjaan operasi universiti. Pelaksanaan inisiatif ini dilaksanakan melalui pengukuhan pengurusan risiko kewangan, pemantauan dan pematuhan berterusan kepada piawaian perakaunan serta kawal selia, di samping pemodenan sistem kewangan berasaskan teknologi bagi meningkatkan ketepatan data, mempercepat proses kerja dan menyokong keputusan kewangan berasaskan analitik. Pendekatan ini memastikan pengurusan sumber yang berhemat dan telus, pengoptimuman kos operasi serta daya tahan kewangan jangka panjang, selari dengan hala tuju strategik dan aspirasi kelestarian UMK.

KPI 20:

Peratusan kecekapan perbelanjaan tahunan.

Tahun	2026	2027	2028	2029	2030
Sasaran	3%	3%	4%	4%	5%

Teras 7: Persekitaran Sejahtera

OS13: Memperkasa Infrastruktur dan Infostruktur Kondusif Serta Lestari Untuk Kesejahteraan Warga Kampus

Objektif Strategik ini memfokuskan pemerkasaan infrastruktur dan infostruktur UMK melalui pelaksanaan inisiatif strategik bersepadu dan lestari, merangkumi penyempurnaan projek infrastruktur dan peningkatan kecekapan tenaga, pemantapan fasiliti serta keselamatan digital, pembangunan Ekosistem Data Bersepadu, pemerkasaan Koleksi Kelantanologi, penghasilan kandungan digital oleh fakulti, serta peluasan akses sumber digital bagi menyokong kesejahteraan warga kampus dan kecemerlangan universiti menjelang 2030.

KPI 21:

Peratusan kesediaan infrastruktur yang menyokong operasi universiti.

Tahun	2026	2027	2028	2029	2030
Sasaran	20%	40%	60%	80%	100%

KPI 22:

Peratusan kesediaan infostruktur digital yang menyokong kecekapan operasi dan kelestarian perkhidmatan universiti.

Tahun	2026	2027	2028	2029	2030
Sasaran	20%	40%	60%	80%	100%

KPI 23:

Peratusan Pemerkasaan Transformasi Digital Perpustakaan Melalui Sistem Pintar, Pendigitalan Sumber, dan Akses Terbuka.

Tahun	2026	2027	2028	2029	2030
Sasaran	10%	25%	45%	75%	85%

OS14: Menyediakan Suasana Kehidupan Kondusif Yang Memberi Impak Positif Kepada Warga UMK Dalam Peningkatan Prestasi Kerja, Pembelajaran dan Perkhidmatan

Objektif Strategik ini menumpukan pemerkasaan kesejahteraan kemanusiaan dan persekitaran sosial UMK melalui pelaksanaan inisiatif strategik yang bersepadu dan berimpak, bagi mewujudkan suasana kehidupan kampus yang kondusif, seimbang dan inklusif. Pelaksanaan inisiatif ini merangkumi pelaksanaan kajian kepuasan warga kampus, penganjuran program riadah, sukan dan kebudayaan, pengukuhan program kerohanian dan keagamaan, pelaksanaan inisiatif kesihatan psikologi, mental dan psikososial, serta penggiatan program kampus hijau. Secara keseluruhan, objektif ini bertujuan meningkatkan kesejahteraan warga UMK, sekali gus menyokong prestasi kerja, keberkesanan pembelajaran dan kualiti perkhidmatan universiti secara menyeluruh.

KPI 24:

Indeks Kepuasan warga UMK (Staf dan Pelajar) terhadap persekitaran UMK dalam peningkatan prestasi kerja, pembelajaran dan perkhidmatan

Tahun	2026	2027	2028	2029	2030
Sasaran	80%	85%	90%	95%	100%

OS15: Memperkukuh Penjenamaan dan Posisi Strategik Universiti Berasaskan Persekitaran Kampus Yang Kondusif, Lestari dan Berintegriti Dengan Ekosistem Universiti

Objektif Strategik ini memfokuskan pemerksaan penjenamaan dan pengukuhan posisi strategik UMK melalui pelaksanaan inisiatif strategik yang tersusun dan berkesan, meliputi penonjolan pencapaian dan program berimpak, promosi kolaborasi strategik, pengiktirafan kepakaran akademik, serta pemerksaan peranan pelajar dan alumni sebagai duta promosi bagi memperkukuh identiti UMK sebagai universiti keusahawanan di peringkat nasional dan antarabangsa. UMK bertekad menonjolkan identiti sebagai universiti keusahawanan unggul bukan sahaja melalui kecemerlangan akademik, tetapi juga melalui persepsi positif masyarakat dan pemegang taruh terhadap ekosistem dan persekitaran kampusnya.

KPI 25:

Peratusan Indeks Keterlihatan dan Reputasi UMK.

Tahun	2026	2027	2028	2029	2030
Sasaran	70%	75%	80%	85%	90%

KPI 26:

Peratusan Pemasaran Strategik yang Menyokong Kedudukan UMK (*Brand Positioning*).

Tahun	2026	2027	2028	2029	2030
Sasaran	80%	80%	90%	95%	100%

Keberhasilan Utama 2030

01

Universiti
Keusahawanan
Unggul Asia
2030

02

10 orang Graduan Usahawan
Jutawan menjelang 2030
(Millionaire Graduate
Entrepreneur by 2030)

03

Indeks Universiti
Keusahawanan
(Entrepreneurship
University Index)

04

Kedudukan UMK ke-300
dalam penarafan global
Peringkat Asia

05

10% pelajar
antarabangsa

06

Penawaran
80 program
pengajian

07

95% kadar
kebolehpasaran
graduan

08

80% graduan
memiliki sijil
kompetensi

09

Penubuhan DUA (2)
Pusat Kecemerlangan
Pendidikan Tinggi
(HiCoE)

10

2 orang staf akademik
menerima Anugerah
Akademik Negara

11

90% staf mencapai
tahap Kompetensi
Tinggi

12

100% jawatan utama
mempunyai barisan pelapis

13

40% penjaanaan
pendapatan
universiti

14

100% projek infrastruktur
dan infostruktur berjaya
dilaksanakan

Menjelang 2030, Pelan Strategik UMK30 telah merumuskan 14 Keberhasilan Utama yang bakal dicapai melalui pelan tindakan yang komprehensif dan sinergi antara kesemua Teras Strategik UMK30.

PELAN STRATEGIK

2026 - 2030

UMK30

The logo 'UMK30' is rendered in a bold, white, sans-serif font. The '3' and '0' are stylized, with the '0' containing a white arrow pointing upwards and to the right.